



NORHANA menyampaikan slot pengacaraan majlis.

JHEP anjur Kursus

Pengurusan Organisasi Pelajar

UB 22.11.2018 B2

JABATAN Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Bahagian Pembangunan Pelajar menganjurkan Kursus Pengurusan Organisasi Pelajar (KPOP) yang telah diadakan pada 17 November 2018 bertempat di Bilik Seminar, Anjung Siswa, UMS.

Kursus ini dihadiri seramai 92 orang pelajar mewakili majlis tertinggi/ majlis eksekutif serta wakil daripada kelab, persatuan, sekretariat, organisasi pelajar termasuk pemimpin mahasiswa daripada fakulti dan Jakmas.

Kursus ini bertujuan memberi bimbingan dan

pengetahuan kepada pelajar mengenai aspek dalam pengurusan organisasi pelajar melalui kelab, persatuan, sekretariat atau organisasi sama ada di bawah Jabatan Hal Ehwal Pelajar mahupun di fakulti.

Di antara pengisian kursus ini adalah seperti slot proses kertas kerja, tatacara penubuhan kelab dan pengurusan laporan dan pengurusan mesyuarat oleh Mohd Jamal Bin Atong, slot pengurusan protocol dan etika pengurusan majlis oleh Mohd. Hilmey Bin Saili dan slot pengacaraan majlis oleh Norhana Nordin.